

PSP SERTAI MALAYSIA SPEED FESTIVAL

Politeknik Seberang Perai (PSP) telah menyertai pertandingan Malaysia Speed Festival (MSF) yang diadakan di Litar Antarabangsa Formula 1 Sepang. Acara perlumbaan kereta yang bertaraf kebangsaan tersebut telah dianjurkan oleh Ignition.my Sdn Bhd. Perlumbaan yang dijalankan sebanyak empat pusingan pada tahun 2016 turut disertai oleh nama-nama besar dalam arena sukan permotoran negara seperti Tengku Djan Ley daripada pasukan Team Maxxoil Racing dan Faidzil Alang daripada pasukan Fast Lap Autoworks.

Menurut pengurus pasukan Politeknik Seberang Perai merangkap pemandu Mohd Azizi Said, PSP menyertai pertandingan ini bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada para staf dan pelajar dalam bidang perlumbaan dan industri automotif yang semakin maju dan canggih. Pengalaman seumpama ini tidak akan dapat dirasai di dalam bilik kuliah dan semestinya amat berguna kepada para pelajar kelak. PSP amat bertuah kerana Tuan Pengarah PSP Mejar (K) Haji Zulkifli bin Ariffin memberi sokongan penuh kepada pasukan PSP dalam penyertaan perlumbaan MSF ini.

Selain daripada itu, penyertaan PSP dalam perlumbaan MSF ini turut menjadi medium yang terbaik untuk mempromosi Politeknik Seberang Perai sebagai sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam yang berjaya melahirkan para pelajar yang berdaya saing tinggi dan bersedia untuk bekerja di industri apabila tamat pengajian kelak. Selain itu, penyertaan ini jugak boleh menjadi batu loncatan kepada PSP dalam menjalinkan kerjasama dengan pihak industri automotif yang turut terlibat dalam perlumbaan bertaraf kebangsaan ini.

Mohd Azizi Said

Pensyarah PSP



